

05/05/1998

Perbincangan isu pendatang Aceh belum tamat

KUALA LUMPUR, Isnin - Semua pihak yang terbabit dalam perbincangan diplomatik berhubung pendatang tanpa izin Aceh, belum dapat mencari jalan penyelesaian, kata Duta Amerika Syarikat di sini, John R Mallot.

Sehubungan itu, beliau berharap isu itu diselesaikan secepat mungkin dengan pendatang tanpa izin terbabit diberi peluang menentukan sama ada dakwaan mereka sebagai pelarian politik sah atau sebaliknya.

Menurutnya, Amerika Syarikat dan Malaysia percaya masalah itu perlu diselesaikan mengikut prosedur antarabangsa.

"Kita masih belum menyelesaikan perkara itu lagi. Kami sekarang sedang dalam perbincangan dengan Kerajaan Malaysia. Kami berharap dapat menyelesaikan masalah ini secepat mungkin, tetapi saya tidak tahu bila ia akan dapat dileraikan," katanya selepas jamuan tengah hari meraikan 18 delegasi Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-Asean bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, hari ini.

Mallot berkata, Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian adalah badan terbaik untuk menentukan keputusan sama ada semua pendatang tanpa izin itu perlu dihantar balik.

(END)